

SEDILIX-RX LINCTUS

Dextromethorphan hydrobromide/Phenylephrine hydrochloride/Promethazine hydrochloride (15mg/5mg/3.125mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sedilix-Rx Linctus
2. Bagaimana Sedilix-Rx Linctus berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sedilix-Rx Linctus
4. Cara menggunakan Sedilix-Rx Linctus
5. Semasa menggunakan Sedilix-Rx Linctus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sedilix-Rx Linctus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sedilix-Rx Linctus

Sedilix-Rx Linctus digunakan untuk:

- melegakan batuk tanpa kahak yang berkaitan dengan selsema atau jangkitan saluran pernafasan.
- melegakan hidung tersumbat, bersin, dengan selsema berair yang berkaitan alergi dan selsema.

Bagaimana Sedilix-Rx Linctus berfungsi

Dextromethorphan Hydrobromide membantu menghentikan batuk dengan bertindak secara pusat untuk meningkatkan ambang refleks batuk.

Phenylephrine Hydrochloride melegakan hidung tersumbat dengan mengurangkan bengkak pada salur darah di saluran pernafasan, untuk memudahkan bernafas.

Promethazine Hydrochloride ialah antihistamina dan menghalang bahan semula jadi (histamina) yang dihasilkan dalam badan semasa tindak balas alergi.

Sebelum menggunakan Sedilix-Rx Linctus

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Sedilix-Rx Linctus jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Produk ini mengandungi *promethazine hydrochloride*. Ia tidak boleh digunakan pada kanak-kanak bawah umur 2 tahun kerana potensi untuk kesukaran bernafas dan boleh menyebabkan kematian. Harus digunakan dengan berhati-hati dan seperti apa yang dinasihatkan oleh doktor/ahli farmasi untuk kanak-kanak umur 2 hingga 6 tahun.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Sedilix-Rx Linctus jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- mengalami batuk yang berterusan akibat merokok, penyakit paru-paru atau lelah.
- batuk dengan kahak berlebihan.
- mempunyai masalah hati, paru-paru, jantung atau metabolik seperti lelah, tekanan darah tinggi, kandungan gula darah yang tinggi, kelenjar tiroid terlampau aktif.
- sedang mengambil ubat penenang seperti MAOIs (monoamine oxidase inhibitors) atau dalam tempoh 2 minggu selepas tamat rawatan.
- mempunyai sawan.
- mengalami pembesaran prostat dan/atau gangguan pundi kencing.
- mempunyai glaukoma (tekanan di dalam mata meningkat).
- mempunyai masalah gastrousus.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Sedilix-Rx Linctus boleh bertindak-balas dengan *betahistine*, sesetengah ubat hipnotik dan *anxiolytic*, *metoclopramide*, dan ubat antiparkinson.

Cara menggunakan Sedilix-Rx Linctus

Berapa banyak harus digunakan

- *Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:* 10ml setiap 6 jam.
- *Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:* 5ml setiap 6 jam.
- *Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:* 2.5ml setiap 6 jam.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang. Jika simptom-simptom tidak bertambah baik dalam masa seminggu atau berserta demam, hubungi doktor sebelum meneruskan penggunaan ubat.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk sukar bernafas, psikosis paranoia, khayal, halusinasi, tekanan darah tinggi dan kadar degupan jantung perlahan.

Semasa menggunakan Sedilix-Rx Linctus

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Sedilix-Rx Linctus.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Sedilix-Rx Linctus dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin.
- Jangan minum minuman beralkohol atau mengambil ubat yang boleh menyebabkan mengantuk semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

- Rasa mengantuk, pening.
- Sembelit.
- Mulut kering.
- Gangguan gastrousus.

SEDILIX-RX LINCTUS

Dextromethorphan hydrobromide/Phenylephrine hydrochloride/Promethazine hydrochloride (15mg/5mg/3.125mg per 5ml)

- Sukar tidur, keresahan.
- Gangguan mental.
- Denyutan jantung yang tidak normal.
- Kesusakan dada.
- Ruam.
- Masalah darah.
- Rembesan yang pekat.

Ini bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Sedilix-Rx Linctus

Penyimpanan

Simpan di tempat dingin di bawah 25°C.
Jauhi dari kanak-kanak.
Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna coklat dengan perisa ceri.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Dextromethorphan Hydrobromide,
Phenylephrine Hydrochloride,
Promethazine Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif

Chloroform Spirit, Saccharin Sodium,
Syrup, Citric Acid Anhydrous, Fruity
Flavour, Sodium Sulphite, Liquid Caramel,
Glycerin, Menthol, Sorbitol Solution 70%,
Purified Water, ascorbic Acid, Sodium
Metabisulphite, Sodium Benzoate.

Nombor MAL

MAL07061427A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18 Ogos 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180815/00253